

23/3/2012

COB/AMS/AA/24

# Laporan jual sijil sakit palsu hampir siap

21 JUL 1988 M.SII

**JOHOR BAHRU.** Rabu — Laporan lengkap mengenai kegiatan sekumpulan pelajar yang menjual sijil sakit palsu di sebuah sekolah menengah di sini akan diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dalam tempoh dua atau tiga hari lagi.

"Sekolah kini dalam proses menyiapkan laporan itu," kata jurucakap sekolah itu.

Katanya, setakat ini sekolah berkenaan sudah memanggil ibu bapa dan penjaga pelajar terbabit untuk berbincang dan menylasat masalah anak mereka.

"Sekolah mendapat kerjasama sepenuhnya dari pada ibu bapa. Mereka juga memberikan beberapa cadangan supaya ia tidak berulang," katanya.

*Berita Harian* difahamkan sebuah klinik swasta mungkin terbabit mengeluarkan sijil palsu itu.

"Kami masih lagi menyiasat perkara itu," katanya.

*Berita Harian* baru-baru ini mendedahkan kegiatan sekumpulan pelajar sekolah menengah yang menjual Sijil Akuan Rawatan dan Sijil Pengakuan Sakit palsu kepada pelajar sekolah itu dan beberapa sekolah lain di daerah ini.

Sijil-sijil berkenaan, yang dijual dengan harga \$1 sekeping, mempunyai cap Klinik Polis Depo dan Hospital Besar Sultanah Aminah.

Kegiatan itu terbongkar apabila ibu bapa pelajar yang ponteng sekolah itu menerima surat daripada sekolah meminta penjelasan kenapa anak mereka tidak hadir di sekolah.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Perubatan dan Kesihatan Johor, Dr Gurbaksh Singh berkata, jabatan sudah mengarahkan Penguasa Hospital Besar Sultanah Aminah menyiasat perkara itu.